

13 APR 1996

Pameran-Croatia

PAMERAN BARANGAN MALAYSIA DI ZAGREB

KUALA LUMPUR, 13 April (Bernama) -- Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (Matrade) akan menganjurkan Pameran Barangan Malaysia '96 di

"Pameran itu akan diadakan sempena Pesta Musim Bunga Zagreb dan 400,000 pengunjung dari Croatia dan bahagian lain Eropah Timur dan Barat dijangka menghadirinya," kata Pegawai Perhubungan Awam Matrade Roseliah Taha dalam kenyataan hari ini.

Beliau berkata syarikat-syarikat dan lima agensi di Malaysia akan menyertai pameran itu yang akan mengisi tempat seluas 2,000 meter persegi.

"Kami akan mempamerkan barangan Malaysia dalam industri automotif, getah, makanan, perabot, minyak sawit, elektronik dan perkhidmatan," katanya.

Pelancaran jualan Proton, kereta nasional Malaysia di Croatia oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada Selasa ini akan menjadi acara kemuncaknya, kata beliau.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz akan turut hadir pada pameran itu dan pelancaran jualan Proton, katanya.

Menurut Roseliah, perjumpaan ahli perniagaan individu juga diatur untuk peserta Malaysia menemui ahli perniagaan Croatia dan negara-negara Balkan.

Aktiviti lain seperti promosi makanan dan kebudayaan Malaysia dan seminar mengenai minyak sawit selama sehari juga akan diadakan di Zagreb semasa minggu berkenaan. -- BERNAMA

HJ CR NMO